

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, May 6, 2018 3:02 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Mahasiswa Inasis Bank Rakyat Santuni Gelandangan Dan Petugas Malam



6 MEI 2018 / 20 SYAABAN 1439H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Nordiana Shafiee

MAHASISWA INASIS BANK RAKYAT SANTUNI GELANDANGAN DAN PETUGAS MALAM



UUM ONLINE: Alor Setar - Prihatin dengan nasib golongan gelandangan, sekumpulan mahasiswa Universiti Utara Malaysia (UUM) turun padang menyantuni golongan terbabit di sekitar pusat bandar raya ini, Jumaat lalu.

Program anjuran Biro Kebajikan dan Kemudahan, Inapan Siswa (Inasis) Bank Rakyat UUM itu mendapat kerjasama badan bukan kerajaan (NGO), Kindness Malaysia Negeri Kedah dan Sekolah Kebangsaan Taman Awana.

Pengarah program, Nur Azmi Faiz Nordin berkata, program *Free Food Donation* itu julung kali diadakan membabitkan tujuh pelajar Inasis Bank Rakyat.

"Kami ingin membuat satu kelainan dengan menyantuni golongan tersebut sebagai tanda prihatin dan menyemai tanggungjawab kepada golongan ini berbanding dengan program yang sering diadakan seperti gotong-royong kampung.

“Justeru, bagi menjayakan program *Free Food Donation* ini, kami telah membuat kutipan wang ringgit di seluruh Inasis Bank Rakyat bagi menyediakan makan malam kepada kira-kira 30 gelandangan termasuk petugas malam,” kata pelajar Semester 2, Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Risiko.

Sementara itu, pelajar, Tasnim Azmin berkata, program itu memberi satu pengalaman baharu kepadanya kerana sebelum ini dia banyak terlibat dengan aktiviti dalam kampus melibatkan pelajar sahaja serta masyarakat kampung berdekatan UUM.

Menurutnya, peluang menyantuni golongan gelandangan dan juga petugas malam secara tidak langsung membantu dia untuk berkomunikasi dan menghilangkan rasa malu untuk berhadapan dengan orang ramai dari berbeza latar belakang.

“Dengan adanya program ini juga kami dapat menerapkan sifat prihatin dan sentiasa peka dengan masalah dihadapi orang lain,” kata pelajar Semester 4, Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan itu.

Bermula jam 12 tengah malam, kumpulan mahasiswa UUM itu berjalan kaki sekitar pusat bandar raya Alor Setar mengagihkan makanan selepas mendengar penerangan daripada Timbalan Pengerusi 1 Kindness Kedah, Mohd Azrul Mohd Razak.

Mohd Azrul berkata, Kindness sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha menyalurkan bantuan kepada golongan memerlukan termasuk gelandangan.

Katanya, dia sering memaklumkan kepada individu atau kumpulan yang ingin menyantuni gelandangan itu supaya sentiasa menunjukkan rasa hormat kepada golongan berkenaan, selain menjaga keselamatan masing-masing bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

“Di sini terdapat tiga jenis gelandangan iaitu pesakit mental, yang bekerja namun tiada tempat tinggal dan juga penagih dadah, bagaimanapun kesemua mereka tidak mengancam keselamatan orang sekeliling selagi privasi mereka tidak diganggu,” ujarnya.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.